

08/04/1998

Manfaatkan pemikiran rentas berani

Jaafar Abdul Rahim

BERANI berfikir harus seiring dengan usaha berani berbuat. Jangan sampai terlalu banyak berfikir tetapi tidak berbuat langsung. Orang yang terlalu banyak berfikir ada kalanya terlalu teliti untuk berbuat sesuatu. Mereka menamakan usaha mereka sebagai berfikir secara teliti. Tujuan berfikir secara teliti ialah untuk menuju kesempurnaan. Memang benar bahawa berfikir secara teliti cukup baik. Dalam semua keadaan kita dituntut untuk berfikir secara teliti. Mudah-mudahan pekerjaan yang kita lakukan hasil daripada pemikiran yang teliti mencapai kesan yang baik.

Akan tetapi tidak bermakna ia akan mencapai kesempurnaan. Fikiran malah pekerjaan kita sampai bila pun tidak sempurna. Jangan jadi Mr Perfectionist. Yang penting ialah berfikir dan berbuat dengan sebaik mungkin. Jangan terperangkap dalam 'jerat kesempurnaan' sehingga kita takut untuk berbuat salah apa lagi mencuba sesuatu yang baru. Ketakutan inilah yang akhirnya menyebabkan kita terperangkap dalam jerat minda.

Kita mesti berani berbuat risiko tetapi bukan berani berbuat sembarangan. Daripada sinilah timbulnya kepentingan berfikir secara keilmuan dan strategis. Berfikir dan berbuat risiko haruslah dengan kekuatan strategi dan sinergi yang ampuh. Strategi bermakna taktik yang diambil untuk melaksanakan sesuatu kerja supaya hasil yang tercapai lebih berkesan.

Kita berani berfikir risiko kerana berani berbuat sesuatu yang kita tahu akan kesannya. Banyak orang takut berfikir risiko kerana takut kesannya atau tidak berani berdepan dengan keadaan yang berbeza dan mencabar. Ramai orang takut untuk berdepan dengan kritikan dan cemuhan. Ramai orang takut untuk menerokai sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya atau sesuatu yang kabur.

Pendek kata, ramai takut berbuat sesuatu yang mustahil! Kita tidak pernah mahu menjadi pencuba. Kalau hendak buka kedai, kita tengok orang buka dulu, baru kita buka. Kalau kedai terlingkup, kita sorak, kalau kedai maju, kita terkejut. Kita adalah generasi yang selalu mudah terkejut; terkejut dengan kejayaan orang.

Begitulah kita tidak harus terkejut tetapi harus menjadi peneroka atau perentas berani kepada sesuatu idea perubahan, berani membuat kejutan, berani berkorban demi kemajuan dan sebagainya. Kita harus menjadi mujadid. Kalau tiada mujadid, dunia tidak akan berubah.

Orang yang mengamalkan pemikiran rentas berani terlebih dahulu harus ada idea yang radikal, baru dan praktikal. Nilai idea dulu, sama ada baik atau tidak, sesuai atau tidak, kenal pasti bidang yang hendak dilakukan perubahan seperti perubahan individu, keluarga, organisasi atau masyarakat. Lobi idea dengan rakan. Suruh rakan nilai pro dan kontra idea itu. Cuba uji idea itu untuk menjamin kelangsungan hidup dan kewibawaannya. Cuba dengan idea yang betul-betul baru dan radikal. Cuba amalkan petua ini: Buat (cipta) sesuatu yang belum dibuat (dicipta). Kalau sudah dibuat, buat dengan cara yang lain.

Idea boleh bertolak daripada masalah kejumudan. Contoh tanah terbiar, cuba lakukan pemikiran rentas berani terhadap usaha (idea) untuk memanfaatkan tanah terbiar. Idea awal, tebas tanah; idea pertengahan, memanfaatkan tanah untuk pembangunan; idea risiko (radikal), memanfaatkan tanah dari segi sosialnya dan komersilkan tanah sehingga bernilai jutaan ringgit. Jadi tanah terbiar (idea jumud) berpindah menjadi tanah komersil berjuta ringgit (idea radikal dan risiko).

Contoh lain, pimpinlah organisasi (belia dan masyarakat yang teruk). Buat pemikiran rentas berani kepada organisasi itu. Tukar pimpinan, perkenalkan idea radikal dan risiko dalam persatuan, misalnya, adakan peraduan belia aktif, komersil dan berimej. Ahli belia yang paling aktif diberi hadiah. Persatuan sukarela harus berniaga (risiko sebenarnya menolak idea persatuan belia tidak boleh berniaga). Idea itu jumud dan ketinggalan zaman. Idea risiko membolehkan persatuan belia melakukan segala usaha yang mencabar asalkan usahanya tidak bertentangan dengan akhlak Islamiah. Tetapi idea risiko haruslah didokong oleh strategi yang tepat, sesuai dan berkesan sebelum dilaksanakan.

Satu hal yang cukup penting yang harus difikirkan ialah berapa tinggi atau besar risiko yang ditanggung akibat daripada usaha untuk membuat pembaharuan. Jika idea yang hendak dilaksanakan itu tinggi risikonya, maka strateginya harus lebih terancang dan cukup ampuh. Seelok-eloknya strateginya diuji dahulu.

Benar bahawa pemikiran rentas berani harus bermula daripada ujian disokong oleh keberanian dan diakhiri dengan kesan yang kuat terhadap si peneroka atau si pembaharunya.

Keampuhan dan kewibawaan pemikiran rentas berani banyak bergantung kepada kekuatan jiwa si pencetusnya. Kuat ketahanan dirinya kuat pulalah idea rentas berani yang bakal diciptanya. Begitulah sebaliknya.

Oleh sebab kehebatan dan keampuhannya sebagai wahana perubahan masyarakat, pemikiran rentas berani adalah satu alternatif di kalangan sesetengah masyarakat Islam yang lemah dan mundur dalam beberapa keadaan. Pemikiran rentas berani memerlukan orang yang berani berfikir dan berbuat sesuatu yang mustahil.

Berfikir dan berbuat sesuatu yang mustahil memang banyak risikonya. Tetapi siapakah yang akan berbuat demikian jika bukan kita? Memang mustahil untuk membawa tokoh dalam bidang Microsoft, Bill Gates, apa lagi dengan kekayaannya yang melimpah ruah, datang ke Malaysia. Setiap minit adalah wang baginya. Membawa Gates ke Malaysia tentulah mustahil dan tinggi risikonya. Tetapi Dr Mahathir dapat membawanya. Tentulah untuk membawa orang yang luar biasa memerlukan keberanian dan kewibawaan luar biasa pula.

Thomas Alva Edison, pencipta mentol lampu melakukan pemikiran rentas berani dengan melakukan 9,999 kali percubaan. Akhirnya dengan keberanian luar biasa, Edison berhasil. Ketika ditanya mengenai kejayaannya yang berpunca daripada banyak kegagalan, Edison berkata: "Itu bukanlah kegagalan, tetapi hasil daripada membuat sesuatu dengan cara lain".

Kita juga harus begitu. Keberanian kita untuk menjalankan pemikiran rentas haruslah disertakan dengan jiwa kental dan luar biasa. Berfikir harus besar. Sikap jiwa juga harus besar.

Panglima Awang atau Henry The Black tidak akan menjadi pelaut yang mengamalkan pemikiran rentas berani jika dia tidak berani merentas lautan yang kuat bergelombang, berani berdepan dengan orang Portugis yang badannya jauh lebih besar daripada badannya. Segala-galanya dilakukan dengan kecekalan yang luar biasa.

Begitulah orang yang mengubah dunia adalah pemikir rentas berani tetapi yang melihat saja dunia bergerak adalah si penakut yang ada idea tetapi tidak berani mencuba ideanya. Jadi, kita boleh memilih sama ada menjadi pemikir rentas berani atau si penakut yang setia untuk sepanjang hayat.

(END)